

**Najib Hadiri Rumah Terbuka Setiausaha Politiknya, Datuk Jailani Ngah
Bernama
17 Ogos, 2013**

PUTRAJAYA, 17 Ogos (Bernama)-- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak meluangkan masa memenuhi jemputan ke rumah terbuka Setiausaha Politiknya, Datuk Jailani Ngah di Presint 15 di sini Sabtu.

Jailani berkata penganjuran majlis itu bertujuan merapatkan silaturrahim penduduk di kawasan berkenaan.

"Untuk majlis yang diadakan dengan serba sederhana ini, kami menyediakan hampir 80 peratus juadah masakan Terengganu yang dibawa khas dari negeri berkenaan," katanya kepada pemberita.

Perdana Menteri, yang menjadi tetamu kehormat, turut meluangkan masa beramah mesra dengan kira-kira 1,000 tetamu.

Turut hadir Mufti Perak Tan Sri Harussani Zakaria, Penasihat Majlis Agama Islam Johor Datuk Noh Gadut, Anggota Parlimen Putrajaya Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor serta Anggota Dewan Undangan Negeri Kuala Besut Tengku Zaihan Che Ku Abd Rahman.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=970725>